



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

LAWATAN KERJA RASMI MENTERI MAFS KE MADA

ALOR SETAR, 26 JANUARI 2023 – YB Tuan Haji Mohamad Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) membuat lawatan kerja rasmi selama 3 hari bermula 25 Januari 2023 hingga 27 Januari 2023 ke Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Lawatan ini turut diiringi Ketua Setiausaha MAFS, Datuk Lokman Hakim Ali, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian serta Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi dibawah MAFS.

Dalam lawatan ini, YB Menteri hadir menyantuni wakil-wakil penyelaras Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA dan Persatuan Badan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan pertanian iaitu Persekutuan Penanam-penanam Padi Kedah dan Kilang Beras Melayu dalam satu sesi libat urus di Ibu Pejabat MADA.

Dalam majlis sesi libat urus berasingan bersama Peladang PPK MADA B-IV, Pengkalan Kundor beliau telah menyampaikan 5 jenis bantuan seperti berikut :

1. Dana Bantuan Khas Pesawah Tahun 2023
2. Penyampaian Modal Pusingan Operasi Projek Penanaman Padi Skala Besar (PPSB)
3. Penyerahan Jentera Projek Guna Semula Jerami Padi sebanyak RM332,500 kepada tiga penerima terdiri daripada dua buah PPK iaitu PPK MADA A-IV, Batas Paip serta PPK MADA B-I, Kayang dan Usahawan Jerami MADA dari PPK B-IV, Pengkalan Kundor.
4. Penyerahan Geran Agropreneur Muda (GAM) sebanyak RM80,000 kepada empat orang penerima
5. Penyerahan Zakat Agrobank Kepada PPK MADA bagi membantu dan meringankan kehidupan serta kebajikan golongan asnaf yang juga merupakan ahli-ahli di setiap PPK

Untuk rekod, MADA telah melaksanakan Projek Penanaman Padi Skala Besar (PPSB) yang merupakan inisiatif untuk meningkatkan produktiviti tanaman padi melalui penyatuan pengurusan tanaman padi berskala besar. Sebanyak RM 7.61 juta disediakan sebagai modal pusingan operasi projek PPSB kepada empat PPK iaitu PPK MADA E-I, Simpang Empat, PPK MADA C-II, Kerpan, PPK MADA C-III, Tajar dan PPK B-IV, Pengkalan Kundor.

YB Menteri turut memaklumkan bahawa bantuan khas Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) berjumlah RM10 juta bagi tahun 2022 telah disalurkan kepada pesawah secara berperingkat di tiga buah negeri di Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Sehingga pertengahan Januari seramai 20,181 orang pesawah di ketiga-tiga negeri berkenaan telah menerima manfaat daripada bantuan khas BERNAS yang berjumlah RM250 bagi setiap pesawah.

Menurut Mohamad lagi, baki sumbangan sebanyak RM50 juta dijangka akan diterima daripada BERNAS menjelang akhir bulan ini. Pesawah di negeri-negeri lain akan menerima bantuan khas ini selewat-lewatnya awal bulan Mac hadapan. Seramai 219,402 baki pesawah akan turut menerima bantuan khas BERNAS ini secara berperingkat.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui MADA akan terus komited dalam memastikan nasib dan kebajikan para pesawah terjaga dalam apa jua keadaan.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
26 JANUARI 2023